

Umno Bahagian Digesa Pastikan 500,000 Anggota Umno Daftar Mengundi - Shafie Bernama
15 September, 2012

LARUT, 15 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Mohd Shafie Apdal menggesa Umno bahagian mengambil langkah sewajarnya bagi memastikan 500,000 anggotanya yang layak mengundi mendaftar sebagai pengundi sebelum pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata Umno daripada pucuk pimpinan sehingga ke peringkat akar umbi perlu menggembelng tenaga menambah jumlah pengundi sedia ada bagi memberi kekuatan kepada perjuangan parti itu.

"Kita masih mempunyai 500,000 anggota Umno yang tidak daftar menjadi pengundi. Tahun ini, kita laksana BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) dan kita mempunyai dua juta penerima dan seramai 31,000 daripadanya yang merupakan anggota Umno tidak mendaftar sebagai pengundi.

"Saya lihat pada pilihan raya akan datang kita perlu meningkatkan keupayaan gerakan parti mengenal pasti anggota-anggota itu dan mendaftarkan mereka menjadi pengundi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Larut di sini.

Diminta mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam, bahawa pihak dalam Umno yang cuba mensabotaj parti akan dipecat, Mohd Shafie berkata ia perlu bagi memastikan anggota Umno berdisiplin.

"Ini penting bagi memastikan anggota parti bukan hanya pada nama menjadi ahli tetapi bila pilihan raya, tidak undi parti. Mungkin mereka buat sedemikian kerana tidak dapat jawatan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=694948>